



18 OCT, 2019

Rekaan penyokong tangan pengimpal juara MCIteC ILP

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Rekaan penyokong tangan pengimpal juara MCIteC ILP

Pertandingan membantu menyuburkan budaya inovasi dan kreativiti dalam masyarakat terutamanya generasi muda

Oleh Steve Annuar

MIRE: Projek Welder Hand Support iaitu penyokong tangan pengimpal rekaan pelatih Institut Latihan Perindustrian (ILP) menjuarai pertandingan Teknologi, Inovasi, Kreativiti Miri (MCIteC) di ILP di sini, semalam.

Tempat kedua dan ketiga dimenangi projek Smart Key Finder yang membantu pemilik mencari kunci dan Smoke Shielded Welder iaitu pengelak asap kimpal dari memasuki ruang pelindung kepala.

Juara menerima hadiah RM700, naib juara RM500 dan tempat ketiga RM300, berserta pingat dan sijil.

Aktiviti kali kelima ini menerima penyertaan 42 projek dari sekolah, institusi

“Hasil daripada pertandingan ini, projek inovasi yang berpotensi berpeluang untuk dibawa ke peringkat yang lebih tinggi seperti pertandingan inovasi anjuran jabatan, kementerian, IPTA, IPTS dan antarabangsa.”

Sutekno Ahmad Belon
Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia

awam dan ILP.

Sebanyak 30 kumpulan layak ke peringkat akhir.

Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia (JTM) Sutekno Ahmad Belon berkata, aktiviti membantu menyuburkan budaya inovasi dan kreativiti di kalangan masyarakat terutamanya generasi muda.

Turut diadakan ialah pameran agensi kerajaan dan swasta, 'Kahoot Challenge', jualan gerai keusahawanan dan pameran bidang kemahiran.

“Hasil daripada pertandingan ini, projek inovasi yang berpotensi berpeluang untuk dibawa ke peringkat yang lebih tinggi seperti pertandingan inovasi anjuran jabatan, kementerian, IPTA, IPTS dan

antarabangsa,” jelasnya. Peserta didedahkan dengan pendekatan konsep Revolusi Industri 4.0 selaras dengan tema pertandingan 'Ke Arah IR 4.0' yang selaras dengan saranan Kementerian Sumber Manusia untuk mengetengahkan IR 4.0 dalam pelaksanaan latihan TVET Malaysia.

ADUN Pujut Dr Ting Tiong Choon berkata, aktiviti menitikberatkan komitmen warga ILP Miri untuk terus membudayakan inovasi dalam tugas seharian.

“Inovasi dan transformasi adalah perkara yang penting kearah IR4.0 bagi menghasilkan idea-idea menjangkau pemikiran biasa di mana dapat membantu meningkatkan kualiti kerja dan berdaya saing dengan negara-negara maju lain,” jelasnya.



TERBAIK: Para pemenang pertandingan inovasi bergambar bersama (barisan belakang dari tiga kiri) Sutekno, Dr Ting dan Pengarah ILP Miri Mustal Makmud.



18 OCT, 2019

Rekaan penyokong tangan pengimpal juara MCiTeC ILP

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Pertandingan membantu menyuburkan budaya inovasi dan kreativiti dalam masyarakat terutamanya generasi muda

MIRI: Projek Welder Hand Support iaitu penyokong tangan pengimpal rekaan pelatih Institut Latihan Perindustrian (ILP) menjuarai pertandingan Teknologi, Inovasi, Kreativiti Miri (MCiTeC) di ILP di sini, semalam. Tempat kedua dan ketiga dimenangi projek Smart Key Finder yang membantu pemilik mencari kunci dan Smoke Shielded Welder iaitu pengelak asap kimpal dari memasuki ruang pelindung kepala.